

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJUNG MANIS]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Tanjung Manis. Buat masa ini, hanya pesawat bersaiz kecil seperti Twin Otter sahaja yang dapat mendarat di lapangan terbang tersebut. Apabila pembinaan Jambatan Batang Lassa dan Jambatan Batang Paloh siap nanti, adalah dijangka semakin ramai warga yang akan menggunakan lapangan terbang tersebut untuk pergi ke bandar-bandar lain.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Padang Terbang (*Short Take Off /Landing port- STOLport*) Tanjung Manis adalah sebuah padang terbang yang dimiliki oleh pihak swasta iaitu Sarawak Timber Industry Development Corporation. Mengikut statistik, padang terbang tersebut telah mengendalikan sebanyak 3,318 orang penumpang pada tahun 2018 berbanding 4,764 orang penumpang pada tahun 2017. MASwings telah menyediakan perkhidmatan penerbangan berjadual bagi laluan Kuching-Tanjung Manis dan Mukah-Tanjung Manis dengan kekerapan penerbangan masing-masing sebanyak 7 kali seminggu menggunakan pesawat Twin Otter.

NO. SOALAN : 10

2. Selaras dengan kajian semula Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) yang dijalankan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission – MAVCOM*) pada tahun 2017, MASwings hanya menyediakan perkhidmatan penerbangan penumpang berjadual bagi Kuching-Tanjung Manis dengan kekerapan sebanyak 7 kali seminggu menggunakan pesawat Twin Otter. Laluan bagi Mukah-Tanjung Manis telah ditamatkan bermula tahun 2019 disebabkan faktor muatan yang terlalu rendah iaitu purata 7% bagi tahun 2010-2015.
3. Menurut MASwings, secara keseluruhannya, faktor muatan (*load factor*) bagi laluan Kuching-Tanjung Manis yang dicatatkan pada tahun 2018 adalah sebanyak 36% berbanding 22% yang dicatatkan pada tahun 2017. Faktor muatan bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 pula adalah pada tahap 28.19% dengan jumlah penumpang seramai 1,907 orang. Sehubungan itu, penggunaan pesawat *twin otter* pada masa ini adalah mencukupi bagi menampung permintaan sedia ada dengan bilangan penumpang seramai 10 hingga 11 orang setiap hari.
4. Memandangkan Padang Terbang Tanjung Manis atau STOLport ini adalah sebuah padang terbang yang dimiliki oleh pihak swasta iaitu Sarawak Timber Industry Development Corporation, sehubungan itu, sebarang perancangan untuk menaiktaraf padang terbang tersebut diputuskan oleh syarikat tersebut.
5. Pihak Kementerian Pengangkutan difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak pada 6 Julai 2019 telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan membuat satu kajian pada tahun 2020 bagi maksud mengkaji cadangan untuk menaik taraf landasan Lapangan Terbang Tanjung Manis bagi membolehkan pesawat lebih besar mendarat di lapangan terbang itu.
6. Kerajaan Persekutuan mengalui-alukan cadangan kajian tersebut dan akan memberikan input terhadap kajian tersebut sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.